**NO. SOALAN: 390**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BUKAN LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** |

**SOALAN NO. 390**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan langkah ke hadapan untuk melengkapkan infrastruktur bekalan air bersih terawat (melalui Syarikat Air Darul Aman - SADA) atau sumber air asli dari bukit (air masyarakat) untuk memenuhi keperluan penduduk Sik yang masih belum mencukupi pada ketika ini.

**SOALAN NO. 390**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menyediakan bekalan air terawat yang sempurna kepada penduduk di Daerah Sik, satu (1) Projek Pembangunan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Daerah Padang Terap yang merangkumi skop pemasangan paip di Daerah Padang Terap dan Daerah Sik serta menambahbaik Loji Rawatan Air Nami sedang dilaksanakan dengan peruntukan secara langsung (geran) melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

2. Selain itu, SADA selaku Operator Air juga telah mengangkat permohonan kepada KPLB bagi melaksanakan projek menaiktaraf Loji Rawatan Air Jeniang Baru. Dengan pelaksanaan projek ini, penduduk di Daerah Sik akan dapat menikmati bekalan air dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.